

Bersedia untuk ke Taman Asuhan atau Tadika

JUL 9, 2020

Kita perlu menjadi lebih praktikal dan mencari jalan untuk memudahkan anda dan juga si comel anda. Ketahui bagaimana untuk atasinya di dalam artikel ini.

Rasa takut dan bimbang kerana menghantar anak anda ke taman asuhan atau tadika.

Membuat Persediaan untuk Anak anda ke Taman Asuhan atau Tadika

Bagi sesetengah individu, pengalaman ini sangat mendebarkan. Banyak sebab yang menjadi puncanya. Antaranya adalah rasa takut dan bimbang kerana meninggalkan anak anda di tempat yang asing baginya serta rasa bersalah yang dialami kerana menghantar anak pada usia muda itu ke taman asuhan atau tadika.

Tetapi kita perlu menjadi lebih praktikal dan mencari jalan untuk memudahkan anda dan juga si comel anda. Perkara berikut boleh membantu anda tetapi ingatlah tiada penyelesaian yang sempurna untuk situasi ini. Jadi lakukan yang terbaik dan yakinlah dengan diri bahawa semuanya akan berakhir dengan baik.

- Kunjungi taman asuhan atau tadika sebelum hari pertama untuk membiasakan anak anda dengan persekitaran dan juga untuk memerhatikan kelas yang sedang berjalan.
- Biarkan anak anda bermesra dengan rakan sebaya yang telah pun bermula agar mereka lebih gembira dan teruja.
- Lakukan aktiviti yang terdapat di sana seperti bermain permainan yang menyeronokkan, bertemu rakan baharu, belajar perkara baharu dan pelbagai aktiviti lain.
- Mulakan rutin di rumah yang dapat membantu anak anda menyesuaikan dirinya apabila mula ke tadika. Anda boleh bercerita tentang aktiviti seharian di tadika dan proses yang terlibat. Contohnya, lihat jadual harian, dari bangun tidur dan bersedia ke sekolah hinggalah mereka pulang dan tidur sekejap. Jangan lupa untuk mencuba dan memastikan anak anda boleh menggunakan bekas tandas kerana ini dapat membantunya berdikari (atau lebih matang) dan selesa.
- Banyak kebolehan lain yang sangat bermanfaat seperti belajar mengikat tali kasut sendiri, mengamalkan masa rehat dan makan tengah hari mengikut waktu tadika dan berkenalan sesama sendiri dengan mengamalkan kemahiran sosial

terutamanya jika dia anak tunggal.

Perkara di atas adalah kemahiran asas dan banyak lagi yang terbukti bermanfaat kepada mereka. Pastikan anda menggalakkan anak anda bercerita dengan anda dan jangan berikan tekanan kepada mereka. Anda mungkin berasa sukar untuk melepaskan anak anda, anak anda juga sukar untuk melepaskan ibu mereka.

Penafian: Kandungan ini dikongsi sebagai bahan untuk maklumat sahaja dan bukan sebagai penggantian untuk nasihat pakar/perubatan, diagnosis atau rawatan. Anda dinasihati supaya sentiasa dapatkan nasihat profesional kesihatan untuk sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan keadaan perubatan/situasi khusus.

Kongsi sekarang